

**TEKS UCAPAN DATUK BANDAR  
DATUK BANDAR  
BERSEMPENA  
MESYUARAT PENUH (OGOS) 2015  
PADA 30hb JULAI 2015  
JAM 10.00 PAGI**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**SELAMAT PAGI, SELAMAT SEJAHTERA, SALAM 1  
MALAYSIA,  
SALAM 1 BANDARAYA DAN SALAM MUFAKAT JOHOR**

**BISMILLAHIRRAHMANNIRAHIM  
ALHAMDILILLAHIRABBILALAMIN,  
WASSALATUWASALAMUALA SAIYIDINA, MUHAMMADIN  
ASYRAFIL ANBIYA' IWALMURSALIN, WA ALA ALIHI  
WASAHBIHI AJMAIN,**

**YANG BERBAHAGIA  
DATUK YAHYA BIN JAAFAR,  
KETUA WHIP AHLI MAJLIS,  
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

**YANG BERUSAHA,  
TUAN HJ. FARIZAL BIN ISMAIL  
SETIAUSAHA,  
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

**PUAN HAJAH AISHAH ABDUL KAPI  
TIMBALAN SETIAUSAHA  
BARISAN AHLI-AHLI MAJLIS,  
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

**AHLI EX-OFFICIO, AHLI – AHLI MAJLIS PEMERHATI,  
PEGAWAI-PEGAWAI DAN PARA PEMERHATI,  
RAKAN-RAKAN MEDIA SERTA PARA HADIRIN YANG SAYA  
HORMATI.**

**1. ALHAMDULILAH, DIPANJATKAN SYUKUR KE  
HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN KEIZINAN NYA  
JUA KITA DAPAT BERSAMA-SAMA BERHIMPUN SEMPENA  
MESYUARAT PENUH BAGI BULAN OGOS 2015.**

**2. INI MERUPAKAN MESYUARAT PENUH YANG PERTAMA DIPENGERUSIKAN OLEH SAYA SELEPAS DILANTIK SEBAGAI DATUK BANDAR. MUDAH-MUDAHAN, PERJALANAN DAN KELANCARAN MESYUARAT INI BERJALAN DENGAN SEMPURNA, INSHA ALLAH.**

**3. BERSEMPENA BULAN KEMERDEKAAN INI, SAYA INGIN MENYERU KEPADA SEMUA WARGA BANDARAYA, UNTUK TURUT SAMA MENYEMARAKKAN SAMBUTAN BULAN INI, DENGAN MENGIBARKAN JALUR GEMILANG DI PREMIS KEDIAMAN MASING-MASING. BAGI PREMIS PERNIAGAAN DAN KOMERSIAL, NOTIS PEMBERITAHUAN TELAH PUN DIEDARKAN KEPADA MEREKA, SEJAK PERTENGAHAN OGOS, YANG LALU.**

**4. MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MENYEMAI SEMANGAT PATRIOTISME, DAN MEMUPUK SEMANGAT CINTAKAN TANAH AIR. DENGAN TEMA #SEHATI SEJIWA, IA BUKAN SAHAJA MEMBUKTIKAN BAHAWA KEPELBAGAIAN KAUM BUKAN HALANGAN UNTUK KITA SAMA-SAMA MENCURAHKAN PERASAAN DAN CINTAKAN TANAH AIR. PERBEZAAN KEPERCAYAAN, MAHUPUN ANUTAN AGAMA BUKANLAH SATU JURANG UNTUK KITA SAMA-SAMA**

**MENGHAYATI ERTI KEMERDEKAAN DAN KEMAKMURAN NEGARA.**

**5. BEGITU PUN JUGA, PIHAK MAJLIS TURUT MEMPUNYAI HASRAT HATI YANG SAMA, IAITU WARGA BANDARAYA YANG MENJIWAI KEHENDAK DAN IMPIAN MAJLIS, DAN PIHAK MAJLIS, TURUT SAMA MENYELAM DAN MEMAHAMI ASPIRASI ORANG RAMAI. BIARLAH KITA SEIRING DAN SENADA DI DALAM MENCORAK PEMBANGUNAN BANDARAYA INI.**

**6. UNTUK MAKLUMAN SEMUA, BANDARAYA JOHOR BAHRU TELAH TERPILIH SELAKU TUAN RUMAH SAMBUTAN BAGI PERINGKAT NEGERI. BERMULA DARI 30hb OGOS, AKAN DIADAKAN MALAM AMBANG MERDEKA BERMULA DARI JAM 8.00 MALAM.**

**7. DAN PADA 31hb OGOS PULA, AKAN DIADAKAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI JOHOR, YANG DIADAKAN DI DATARAN BANDARAYA JOHOR BAHRU. IA AKAN DISEMPURNAKAN OLEH YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR JOHOR.**

**8. SEHUBUNGAN ITU, SAYA MENYERU KEPADA ORANG RAMAI, AGAR DATANG MEMERIAHKAN LAGI SAMBUTAN.**

**9. DI KESEMPATAN INI, INGIN SAYA MAKLUMKAN KEPADA SEMUA BAHAWA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU TELAH MENERIMA PENGHARGAAN DARIPADA KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN SEBAGAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN TERBAIK DI DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM BANDAR SELAMAT, SEMPENA MAJLIS PELANCARAN LAMAN WEB I.SELAMAT.MY PADA 25hb OGOS YANG LALU.**

**10. PENGIKTIRAFAN INI, ADALAH GANDINGAN KERJASAMA ANTARA AHLI MAJLIS, JAWATANKUASA PENDUDUK, DAN AGENSI-AGENSI PENGUATKUASAAN SEPERTI POLIS DIRAJA MALAYSIA, JABATAN IMIGRESEN, AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN DAN LAIN LAIN YANG MEMBERI KOMITMEN TINGGI SEPANJANG PELAKSANAAN PROGRAM INI. ALHAMDULILAH, SEMOGA KECEMERLANGAN PENCAPAIAN INI AKAN BEKEKALAN.**

**YANG BERBAHAGIA DATUK, TUAN-TUAN, PUAN-PUAN, DAN  
SIDANG HADIRIN YANG SAYA HORMATI,**

**11. SEPERTIMANA YANG SAYA WARWARKAN  
SEBELUM INI, MELALUI MATLAMAT DAN FOKUS SAYA  
UNTUK MEMBANGUNKAN BANDARAYA INI MENGIKUT  
ACUAN DAN KEMAMPUAN**

**12. MALAHAN, SAYA JUGA AKAN MEMASTIKAN  
SASARAN SAYA UNTUK MENYIAPKAN BUKU  
PERANCANGAN STRATEGIK MAJLIS BANDARAYA JOHOR  
BAHRU 2016-2020 DAPAT DIREALISASIKAN DALAM  
TEMPOH 100 HARI SAYA MENJADI DATUK BANDAR.**

**13. MENJADI KELAINAN DI DALAM MERANGKA  
PERANCANGAN TERSEBUT, SAYA MENGALU-ALUKAN  
PANDANGAN, IDEA, MAHUPUN BUAH FIKIRAN DARIPADA  
ORANG RAMAI, KHUSUSNYA WARGA BANDARAYA, UNTUK  
TURUT SERTA MENYATAKAN SUARA HATI MEREKA.**

**14. SAYA PERCAYA DI DALAM MEMPERKASAKAN LEGASI BANDARAYA JOHOR BAHRU SEBAGAI BANDARAYA BERTARAF ANTARABANGSA, DITAMBAH DENGAN BERBUDAYA DAN LESTARI SIFATNYA, PEMBABITAN ORANG AWAM TURUT MEMAINKAN PERANAN. WALAUPUN MAJLIS SELAKU PEMBUAT DASAR, PENERAJU PEMBANGUNAN, NAMUN ASPIRASI WARGA BANDARAYA PERLU TURUT DIAMBIL KIRA.**

**15. OLEH YANG DEMIKIAN, LUNGSURILAH LAMAN FACEBOOK SAYA, DATUK BANDAR JOHOR BAHRU ATAU MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU DAN BERILAH PANDANGAN KOMEN, MAHUPUN IDEA ANDA UNTUK KITA SAMA-SAMA MEMBANGUNKAN BANDARAYA INI. IA AKAN BERMULA PADA 1hb SEPTEMBER DAN BERAKHIR PADA 30hb SEPTEMBER 2015. SEHATI SEJIWA KITA SAMA-SAMA SEMAI PERASAAN CINTAKAN BANDARAYA UNTUK KEMAKMURAN DAN KESEJAHTERAAN.**

**YANG BERBAHAGIA DATUK, TUAN-TUAN, PUAN-PUAN DAN  
SIDANG HADIRIN YANG SAYA HORMATI,**

**16. SEPERTIMANA YANG SAYA FOKUSKAN DI DALAM  
UCAPTAMA SAYA SEBAGAI DATUK BANDAR, IAITU FOKUS  
UNTUK MEMBASMI DENGGI SECARA KOMPREHENSIF, BAGI  
MENGELAKKAN BERLAKUNYA PENULARAN WABAK DI  
DALAM KAWASAN BANDARAYA.**

**17. JUMLAH PENINGKATAN DARI 1,623 KES PADA 2014  
KEPADA 3,023 KES (SEHINGGA 22 OGOS 2015), JELAS  
MEMBUKTIKAN BAHAWA IA BUKANLAH SATU PERKARA  
YANG BOLEH DIPANDANG REMEH.**

**18. DAN SAYA MEMANDANG SERIUS UNTUK  
MENGATASINYA DENGAN PELBAGAI CARA DAN KAEDAH,  
SEHUBUNGAN ITU, SEMUA JABATAN DI MBBB TELAH SAYA  
SELARASKAN DENGAN 10 PELAN TINDAKAN SEPERTI  
BERIKUT :-**



**I. MENGEMASKINI DAN MENAMBAH BAIK BILIK GERAKAN DENGGI, DIMANA IA BERTUJUAN UNTUK MENGUMPUL, MENGEMASKINI DAN MELENGKAPKAN DATA BERKAITAN JUMLAH KES, KAWASAN WABAK, STRATEGI TINDAKAN DAN SEBAGAINYA.**

**II. MEMPERKUKUH PASUKAN KAWALAN DENGGI, DIMANA TAMBAHAN DARI 3 PASUKAN KEPADA 4 PASUKAN KAWALAN. SETIAP PASUKAN DIKETUAI OLEH SEORANG PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN DAN DIBANTU OLEH 6 ANGGOTA SOKONGAN. MEREKA DITUGASKAN UNTUK MEMBUAT PEMERIKSAAN DARI PREMIS KE PREMIS BERKAITAN PENGHAPUSAN DENGGI. KOMPAUN RM 1,000 AKAN DIKENAKAN SECARA TEGAS DI BAWAH AKTA 171, AKTA KERAJAAN TEMPATAN.**

**III. PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN ANGGOTA KAWALAN, IAITU PIHAK MAJLIS AKAN MENDIDIK PEGAWAI DAN ANGGOTA BAGI MEMASTIKAN MEREKA AKAN DIBERI PENGETAHUAN TERKINI, DAN KOMPETENSI MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG.**

**IV. PENYEBARAN MAKLUMAT DAN PENDIDIKAN KESIHATAN KEPADA WARGA KOTA MELALUI CAPAIAN WEB MBBJ, DISAMPING PAPAN ELEKTRONIK.**

**V. PENGUATKUASAAN YANG AGRESIF DAN BERSEPADU DI TAPAK PEMBINAAN, DIMANA TINDAKAN PENGUATKUASAAN SECARA BERSEPADU YANG MEMBABITKAN PELBAGAI AGENSI DAN JABATAN KERAJAAN, SEPERTI CIDB, JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR, JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN. PENGUATKUAAN SECARA TEGAS BAWAH SEKSYEN 81 (C), AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976, DENDA RM 1,000 AKAN DIKENAKAN SEKIRANYA DIDAPATI TERDAPAT PEMBIAKAN NYAMUK AEDES.**

**DI SAMPING ITU BAGI MEMASTIKAN PEMAJU MENJALANKAN KERJA KERJA PEMBERSIHAN DAN KAWALAN AEDES, JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR DIMINTA MENGUATKUASAKAN AKTA 154 (AKTA PEMUSNAHAN SERANGGA PEMBAWA PENYAKIT 1975) DIMANA JKNJ AKAN MENUTUP SEHINGGA 14 HARI TAPAK BINA YANG DIDAPATI MEMBIAK NYAMUK.**

- VI. KURSUS KAWALAN AEDES TAPAK BINA KEPADA PEMAJU, DIMANA MEREKA AKAN DIBERIKAN LATIHAN DAN DEMONSTRASI KAEDAH KAWALAN DAN PENCEGAHAN PEMBIAKAN AEDES DI TAPAK BINA.**
- VII. PERKHIDMATAN KEBERSIHAN KAWASAN SETINGGAN DAN FLAT KOS RENDAH, DIMANA PENINGKATAN TAHAP PERKHIDMATAN AKAN DIJALANKAN DI KAWASAN KAWASAN INI. INI KERANA 25% SEHINGGA 30% KES YANG DILAPORKAN, BERPUNCA DARI KAWASAN SEBEGINI.**
- VIII. MENGGERAKKAN MASYARAKAT BEKERJASAMA, DIMANA PENDUDUK PERLU MEMAINKAN PERANAN SENDIRI, DI DALAM MENGGERAKKAN PASUKAN SUKARELA, DI DALAM MENGGERAKKAN KESEDARAN MASYARAKAT.**
- IX. TUMPUAN PERKHIDMATAN BERSAMA MASYARAKAT, DIMANA AHLI MAJLIS SEBAGAI PEGAWAI ZON AKAN BERSAMA MBBB AKAN MENGAKTIFKAN SEMUA PASUKAN COMBI UNTUK MAKSUD INI. PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS TERMASUK SAYA SENDIRI AKAN TURUN PADANG UNTUK MEMBERI TUMPUAN PERKHIDMATAN**

**ASAS KEBERSIHAN, PARIT DAN INFRASTRUKTUR KAWASAN PERUMAHAN DIBERI PERHATIAN SEBAIKNYA.**

**10. PEMBERITAHUAN AWAM, DIMANA MBBB AKAN SENTIASA MEMBUAT HEBAHAN SEMASA MELALUI LAMAN MEDIA YANG ADA, DAN MEDIA SOSIAL,SEBAGAI HEBAHAN DAN MAKLUMAN KEPADA ORANG RAMAI. EDARAN FLYERS DAN PAMLET JUGA TURUT DIBUAT, UNTUK MENASIHAT DAN MEMBERI PANDUAN KEPADA ORANG RAMAI.**

**19. SAYA PERCAYA, DENGAN KITA BERSAMA-SAMA MENINJAU TAHAP KEBERSIHAN BANDARAYA, ORANG RAMAI AKAN SEDAR PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB MEREKA. KEPEKAAN DAN KEPRIHATINAN MEREKA ADALAH TUNJANG KEPADA KITA MEMBASMI WABAK INI.**

**20. PADA MASA YANG SAMA, KITA AKAN MENGGIATKAN LAGI OPERASI MENGGEMPUR MANA-MANA KAWASAN KEDIAMAN, PEMBINAAN YANG DIKENALPASTI MENJADI PUNCA PEMBIAKAN NYAMUK AEDES.**

**21. SAYA PERCAYA DENGAN ADANYA HEBAHAN MEDIA MASSA MENGENAI TINDAKAN PENGUATKUASAAN, BOLEH MENIMBULKAN RASA GERUN KEPADA ORANG RAMAI UNTUK MENGABAIKAN KEBERSIHAN DI PERSEKITARAN KAWASAN KITA. TERSERAH LAH SAMADA RELA DIKENAKAN KOMPAUN ATAUPUN MENGAMBIL INISIATIF MENJAGA PERSEKITARAN SEKELILING.**

**22. HARUS DIINGAT, TIADA KOMPROMI OLEH PIHAK MAJLIS, SEKIRANYA DIDAPATI TERDAPAT PEMBIAKAN JENTIK JENTIK DI KAWASAN TUAN PUAN. TINDAKAN PENGUATKUASAAN AKAN TETAP DIAMBIL.**

**YANG BERBAHAGIA DATUK, TUAN-TUAN, PUAN-PUAN DAN SIDANG HADIRIN YANG SAYA HORMATI,**

**23. SATU LAGI ISU YANG INGIN SAYA JELASKAN DISINI, BERHUBUNG TUNGGAKAN KOMPAUN LETAK KERETA YANG DITANGGUNG OLEH PIHAK MAJLIS.**

**24. DIMANA UNTUK TAHUN INI SAHAJA, SEJUMLAH 4,190 KOMPAUN DIKELUARKAN, DENGAN NILAI RM 158,720.00.**

**NAMUN BEGITU, TUNGGAKAN KOMPAUN YANG DITANGGUNG, MASIH LAGI TINGGI, IAITU RM 95,374.00 DENGAN BILANGAN KOMPAUN 2,368.**

**25. MANAKALA BAGI KES KOMPAUN DIBAWAH KENDALIAN FAJAR ABLE, SEJUMLAH 239,715 KOMPAUN DIKELUARKAN, DENGAN NILAI AMAUNNYA RM 7,357,980.00.**

**26. DARIPADA BILANGAN TERSEBUT, HANYA 9,455 KOMPAUN YANG DIJELASKAN, DENGAN RM 281,914 KUTIPAN YANG BERJAYA DIKUTIP.**

**27. NAMUN, BEGITU MASIH ADA 230, 260 KOMPAUN YANG MASIH BELUM DIJELASKAN, DENGAN NILAI TUNGGAKAN RM 7,076.066.00.**

**28. APA YANG SAYA INGIN JELASKAN DISINI, ADALAH PIHAK MAJLIS SENTIASA MENGAMBIL INISIATIF UNTUK MENDAPATKAN KEMBALI TUNGGAKAN TERSEBUT, WALAUPUN TERPAKSA MENAWARKAN DISKAUN PEMBAYARAN KEPADA MANA-MANA KESALAHAN DI BAWAH LETAK KERETA.**

**29. WALAU BAGAIMANAPUN, SEKIRANYA MEREKA MASIH LAGI ENKAR DAN ENGGAN MENJELASKAN NOTIS TERSEBUT, PIHAK MAJLIS AKAN MENGAMBIL PENDEKATAN UNTUK MENDAKWA MEREKA DI ATAS KESALAHAN TERSEBUT.**

**30. JUSTERU ITU, APA YANG INGIN SAYA WARWARKAN DI SINI ADALAH, TINDAKAN PENGUATKUASAAN ADALAH LANGKAH YANG BOLEH DIKENAKAN PADA MEREKA YANG DISABITKAN, DIBAWAH UNDANG UNDANG KECIL LETAK KERETA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU.**

**31. JADILAH WARGA BANDARAYA YANG MEMATUHI UNDANG UNDANG DAN PERATURAN YANG DITETAPKAN. BAGI PIHAK MAJLIS, USAHA PEMBERIAN DISKAUN AKAN TETAP DITERUSKAN BAGI MENGURANGKAN BEBAN ORANG RAMAI. NAMUN, TINDAKAN PENGUATKUASAAN MELALUI PENDAKWAAN DI MAHKAMAH AKAN TETAP DIJALANKAN.**

**YANG BERBAHAGIA DATUK, TUAN-TUAN, PUAN-PUAN DAN  
SIDANG HADIRIN YANG SAYA HORMATI,**

**32. SEKIAN SAHAJA, UCAPAN SULUNG SAYA BAGI  
MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU  
BAGI BILANGAN YANG KE LAPAN, 2015.**

**33. KEPADA RAKAN RAKAN MEDIA, MOHON MAKLUM  
BAHAWA SAYA INGIN MENGADAKAN SIDANG MEDIA  
SEJURUS SELESAI MESYUARAT INI.**

**WABILAHI TAUFIK WAL HIDAYAH, WAS SALAM MUALAIKUM  
WARAH MATULAH WABARAKATUH.**

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**